

01 NOV 1996

MENARA KL AKAN DITUTUP SELASA INI

KUALA LUMPUR, 1 Nov Bernama) -- Menara KL akan ditutup kepada orang ramai Selasa ini (5 Nov) dari pukul 9 pagi hingga 2 petang sempena lawatan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Tuanku Najihah.

Menara KL dalam satu kenyataan hari ini berkata menara itu akan beroperasi seperti biasa selepas pukul 2 petang hari yang sama.

Menara komunikasi keempat tertinggi di dunia itu dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bulan lepas.

Menara itu, usaha sama antara Telekom Malaysia Berhad dan Germany's Wayss & Freytag AG menjadi tumpuan pelawat tempatan dan asing sejak ia dibuka kepada orang ramai Julai lepas. -- BERNAMA

WE RON